



SIARAN AKHBAR

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KSSUP 1439H / 2018M

Sabtu, 23 Syawal 1439H bersamaan 7 Julai 2018M

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan dibawahnya hari ini, Sabtu, 7 Julai 2018 telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1439 Hijriah / 2018 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Datin. Turut hadir di Majlis ialah Setiausaha Tetap, KSSUP dan Datin; Timbalan Setiausaha Tetap dan Isteri; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Pada tahun ini, lebih kurang 300 warga KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya berserta ahli-ahli keluarga masing-masing hadir memeriahkan Majlis tersebut. Tema sambutan Majlis ini adalah berkonsepkan makanan yang dikenali di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam yang mana disediakan oleh setiap Jabatan di pondok yang dihiasi mengikut tema sajian dan kreativiti masing-masing.

Selain mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim di kalangan warga KSSUP, ia juga memberi ruang kepada warga kementerian untuk bekerjasama dalam menjayakan Majlis Kesyukuran menyambut Hari Raya Aidilfitri. Majlis pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bahagian Dasar dan Perancangan, dan Bahagian Hidupan Liar.

/TAMAT

7 Julai 2018